

Petaling catat 14 kes kematian denggi

Berita Harian 29/05/2010 M/S3

Didik rakyat Selangor penting kawal wabak

Oleh Noor Syahidatool

Aqma Mohd Noor

bhnews@bharian.com.my

SHAH ALAM: Daerah Petaling mencatatkan kes demam denggi paling tinggi setakat ini dengan 2,514 kes dan 14 kematian, keadaan yang disifatkan amat membimbangkan dan perlu segera ditangani.

Ketua Penolong Pengarah Unit Kawalan Vektor Jabatan Kesihatan Selangor, Dr B Venugopalan, berkata Hulu Langat pula mencatatkan 1,301 kes dan empat kematian diikuti Gombak, 722 kes dilaporkan dengan dua kematian.

Katanya, antara kawasan yang mencatatkan kematian akibat denggi pula ialah Kampung Melayu, Batu Caves; Jalan Kebun, Klang manakala kawasan berisiko tinggi ialah di Stesen Bas Kajang.

Justeru, katanya, sokongan masyarakat dalam usaha membanteras wabak itu daripada merebak amat diperlukan.

"Kawasan berisiko tinggi pembiakan Aedes dilaporkan berlaku di kawasan pembinaan dan tempat tumpuan orang ramai seperti kompleks beli-belah, medan selera, taman

rekreasi, stesen bas, teksi dan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT).

"Sementara pembiakan Aedes mengikut premis dilaporkan di sekitar tapak binaan, kilang, sekolah, tanah dan lot kosong," katanya ketika menyampaikan taklimat mengenai denggi di Pejabat Kesihatan Selangor di sini, baru-baru ini.

Taklimat diadakan bagi mendidik masyarakat betapa pentingnya mengawal wabak denggi daripada merebak kerana Selangor adalah negeri yang mencatatkan kes denggi paling tinggi iaitu 18,676 kes dengan 48 kematian tahun lalu.

Dr Venugopalan berkata, statistik menunjukkan 38

peratus penghidap denggi meninggal dunia dalam tempoh 24 jam selepas dimasukkan ke hospital.

Bagaimanapun, katanya, wabak denggi boleh dihindari jika langkah pencegahan pada peringkat awal diambil dengan menghapuskan tempat yang berpotensi menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes.

"Mentaliti masyarakat yang menganggap pengasapan perlu dilakukan bagi menghapuskan Aedes perlu diubah kerana ia bukan jawapan yang tepat dalam mengatasi wabak ini.

"Punca utama wabak denggi ialah sikap masyarakat di kawasan itu sendiri yang tidak mementingkan kebersihan," katanya.



Dr B Venugopalan

FAKTA NOMBOR

1,301
kes

Di Hulu Langat

722
kes

Denggi di Gombak